



# Lawatan BHEPP Kampus USM Ke UniMAP

Oleh ; Alma Azizah Abdul Rahim

Pada 28 November 2008, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni Unimap telah menerima satu rombongan pegawai dan staf Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar kampus Kejuruteraan Universiti sains Malaysia (USM). Rombongan seramai 31 orang ini terdiri dari 18 orang pegawai dan staf BHEPP, 9 orang dari Desasiswa Lembaran dan 4 orang dari Desasiswa Jaya. Rombongan yang diketuai oleh Ketua Penolong Pendaftar iaitu En. Mohd Mahizan Mahamud tiba di UniMAP pada jam 11 pagi.

Program lawatan ini bermatlamat untuk menjalinkan hubungan silaturrahim antara staf BHEPP USM dan HEPA UniMAP. Satu sesi taklimat dan perbincangan yang melibatkan kedua belah pihak telah diadakan di Dewan Keikhlasan Tingkat 10, Bangunan KWSP dan telah disampaikan oleh Ketua Penolong Pendaftar HEPA UniMAP iaitu En. Abd. Aziz Mohd Najimudin. Skop perbincangan merangkumi pelbagai aspek dan bidang masing-masing. Pihak pelawat melahirkan perasaan terharu dan amat berterima kasih kepada HEPA kerana sudi menerima dan mengatur program untuk mereka.